

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 19.06.2025 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KITAR SEMULA
BEG PLASTIK BERAS DENGAN KERJASAMA
SYARIKAT JASMINE FOOD CORPORATION SDN. BHD.
DI PASAR RAYA LOTUS'S BUKIT MERTAJAM**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**22 JUN 2025 (AHAD)
10.30 PAGI**

**PASAR RAYA LOTUS'S, BUKIT MERTAJAM
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk berkumpul pada pagi yang penuh makna ini bagi menjayakan **Majlis Pelancaran Program Kitar Semula Beg Plastik Beras** hasil kerjasama strategik antara **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** dan **Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd.**, yang berlangsung di **Pasar Raya Lotus's Bukit Mertajam**.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Mohammad Farhan bin Mohammed Hafetz, Ketua Bahagian Penjenamaan dan Pembangunan Produk serta seluruh warga kerja Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd., atas kesudian untuk menjalin kolaborasi dalam menjayakan program berimpak tinggi ini di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat.
3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program ini serta seluruh warga kerja MBSP yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran program pada hari ini.

4. Program ini merupakan manifestasi kepada komitmen bersama dalam memupuk budaya kitar semula secara praktikal dan inklusif, khususnya melalui inisiatif mengumpul dan mengitar semula beg plastik beras, satu bahan yang lazim terdapat dalam setiap isi rumah namun sering diabaikan dalam proses pengurusan sisa.
5. Usaha murni ini bukan sahaja menekankan aspek pemeliharaan alam sekitar, malah turut memperkuuh nilai kesedaran komuniti terhadap amalan kelestarian menerusi pendekatan yang mudah, mesra rakyat serta mempunyai elemen insentif yang mampu merangsang penyertaan aktif masyarakat. Dengan penuh penghargaan, saya ingin memaklumkan bahawa, pihak Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd. telah berbesar hati menyumbangkan sebanyak 500 kilogram beras, menerusi pemberian insentif sebanyak satu (1) kilogram beras berjenama Jasmine bagi setiap penyerahan beg plastik beras bersaiz 5 atau 10 kilogram yang dikitar semula.
6. Justeru itu, MBSP amat mengalu-alukan keterlibatan orang ramai, terutamanya warga Seberang Perai dan para pengunjung pasar raya ini, agar menjadikan amalan kitar semula sebagai satu gaya hidup lestari. Penyertaan aktif komuniti amat penting dalam mengupayakan transformasi kepada sebuah bandar raya rendah karbon yang inklusif dan mampan.

7. Saya amat berharap agar program ini dapat menjadi “*catalyst*” kepada usaha memperluaskan lagi kempen kesedaran 8R; *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover* dan *Recycle* ke seluruh lapisan masyarakat, dari pasar raya ke sekolah, dari rumah ke pejabat. Semoga ia turut menyemai sikap tanggungjawab bersama dalam memperkasa pengurusan sisa pepejal secara lebih efisien dan lestari.
8. Saya percaya bahawa kerjasama pintar seperti ini akan terus diperluas pada masa hadapan dengan penglibatan lebih banyak pihak industri, komuniti dan agensi kerajaan, demi merealisasikan matlamat menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya rendah karbon yang berdayahuni, mampan, inklusif, hijau, kompetitif dan pintar, sejajar dengan aspirasi pembangunan mampan negara.
9. Akhir kata, inisiatif seperti ini wajar dijadikan contoh kepada sinergi yang berkesan antara sektor swasta dan pihak berkuasa tempatan dalam usaha memelihara alam sekitar serta memupuk budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat. Semoga program ini menjadi pencetus kepada lebih banyak usaha kolaboratif yang berimpak tinggi demi kesejahteraan bersama dan kelestarian generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***